

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya
No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

SESI WALKABOUT PENIAGA DI BAZAR RAMADAN RAHMAH (BRR) NEGERI PAHANG

KUANTAN, 25 MAC 2023 – Yang Berhormat Senator Puan Hajah Fuziah Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup hari ini telah melakukan sesi *walkabout* peniaga di **Bazar Ramadan RAHMAH (BRR) Mahkota Square (Taman Kerang), Kuantan, Pahang** diiringi bersama YB Sim Chon Siang, Exco Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Kerajaan Negeri Pahang dan YH Dato' Hamdan bin Hussin, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuantan.

2. **Bazar Ramadan Rahmah (BRR)** merupakan inisiatif terbaru **KPDN** untuk membantu mengurangkan beban kos sara hidup rakyat dengan lebih berkesan, konsisten dan bersasar. Ini termasuklah dengan mengalakkan peniaga bagi menyediakan kepelbagaiannya konsep penyediaan makanan/ produk yang seimbang berteraskan **Menu RAHMAH** kepada pengunjung yang datang ke Bazar Ramadan pada tahun ini. Untuk makluman juga, **sekurang-kurangnya 30% peniaga menawarkan Menu RAHMAH sebagai pilihan kepada pengunjung BRR.**

3. Bagi Negeri Pahang, **2 lokasi BRR** telah menyertai inisiatif ini iaitu **Bazar Ramadan Mahkota Square (Taman Kerang), Kuantan dan Bazar Ramadan Lurah Semantan, Temerloh**. Manakala, Pelancaran BRR seluruh negara akan disempurnakan oleh YB Menteri KPDN pada 27 Mac 2023 di Putrajaya.
4. Pada masa yang sama, **KPDN** juga meneruskan perluasan **Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (Retail Digitalisation Inisiative – ReDI)** dengan pemberian insentif e-tunai kepada pengguna/ peniaga dalam bentuk e-wallet dengan kerjasama rakan penyedia di **BRR** tersebut tertakluk kepada **1,000 pengguna terawal**. Bagi **BRR Mahkota Square (Taman Kerang), Kuantan**, tarikh pemberian insentif yang ditetapkan adalah sebanyak tiga (3) kali iaitu pada **25 Mac, 10 April dan 15 April 2023**. Manakala bagi **BRR Lurah Semantan, Temerloh**, tarikh pemberian insentif yang ditetapkan juga sebanyak tiga (3) kali iaitu **pada 31 Mac, 7 April dan 14 April 2023**.
5. **KPDN Negeri** merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat terutamanya Kerajaan Negeri Pahang, Majlis Bandaraya Kuantan dan Majlis Perbandaran Temerloh di atas komitmen yang sangat baik sepanjang menjayakan inisiatif BRR dan ReDI ini bagi membantu golongan yang memerlukan dalam meringankan beban kos sara hidup mereka di Pahang di samping meningkatkan pendapatan para peniaga di sini.

**YB SENATOR PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
TIMBALAN MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP
KUANTAN, 25 MAC 2023**

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampung sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:

